

**D.R. 13/2024**

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

### **Pindaan Perkara 15**

**2.** Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Perkara 15—

(a) dalam Fasal (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
  - “(c) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu.”;
- (b) dalam Fasal (2), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”; dan
- (c) dengan memotong Fasal (3).

### **Pindaan Perkara 15A**

**3.** Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”.

### **Pemotongan Perkara 16A**

**4.** Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memotong Perkara 16A.

### **Pindaan Perkara 18**

**5.** Perkara 18 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan selepas Fasal (1) Fasal yang berikut:

“(1A) Seseorang di bawah umur lapan belas tahun yang menjadi warganegara melalui pendaftaran hendaklah, apabila mencapai umur lapan belas tahun, mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dan jika orang itu tidak mengangkat sumpah dalam masa empat puluh lapan bulan selepas dia mencapai umur lapan belas tahun, dia hendaklah terhenti menjadi warganegara.”.

## **Pindaan Perkara 19**

**6.** Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan dipinda—

- (a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”; dan
- (b) dalam Fasal (2), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”.

## **Pindaan Perkara 23**

**7.** Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan dipinda—

- (a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”;
- (b) dengan menggantikan Fasal (2) dengan Fasal yang berikut:
  - “(2) Kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan, suatu akuan yang dibuat di bawah Perkara ini tidaklah boleh didaftarkan jika—
    - (a) akuan itu dibuat dalam masa apa-apa perperangan yang dalamnya Persekutuan terlibat; atau
    - (b) Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa pelepasan itu memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian dalam Persekutuan, ketenteraman awam atau kepentingan awam.”; dan
  - (c) dalam Fasal (3)—
    - (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “twenty-one years” dengan perkataan “eighteen years”; dan
    - (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “lapan belas tahun”.

**Pindaan Perkara 26**

**8.** Perkara 26 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (2) dengan menggantikan perkataan “tarikh perkahwinan itu” dengan perkataan “tarikh pemerolehan kewarganegaraan melalui pendaftaran”.

**Pindaan Perkara 26A**

**9.** Perkara 26A Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu” dengan perkataan “lapan belas”.

**Pindaan Jadual Pertama**

**10.** Jadual Pertama kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “[Perkara 18(1), 19(9)]” dengan perkataan “[Perkara 18(1), 18(1A), 19(9) dan seksyen 3 Bahagian II Jadual Kedua]”; dan
- (b) dengan menggantikan tajuk “*Sumpah Pemohon bagi Pendaftaran atau Penaturalisasi*” dengan tajuk “*Sumpah Pelepasan, Kesetiaan dan Taat Setia*”.

**Pindaan Jadual Kedua**

**11.** Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda—

- (a) dalam Bahagian II—
  - (i) dalam seksyen 1—
    - (A) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di Persekutuan” dengan perkataan “seorang warganegara”;

(B) dalam perenggan (b)—

(AA) dengan menggantikan perkataan “yang bapanya” dengan perkataan “dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya”; dan

(BB) dengan memasukkan selepas perkataan “sesuatu Negeri” perkataan “dan dalam masa satu tahun selepas kelahiran itu berlaku atau dalam masa apa-apa tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mana-mana hal tertentu, kelahiran itu didaftarkan di suatu konsulat Persekutuan atau dengan Kerajaan Persekutuan”;

(C) dalam perenggan (c)—

(AA) dengan menggantikan perkataan “yang bapanya” dengan perkataan “dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya”; dan

(BB) dengan memotong perkataan “di Brunei atau”; dan

(D) dengan memotong perenggan (d);

(ii) dalam seksyen 2—

(A) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “, (d)”; dan

(B) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “bapanya” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “ibu atau bapanya”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas seksyen 2 seksyen yang berikut:

“3. (1) Seseorang yang merupakan seorang warganegara menurut perenggan (b) atau (c) seksyen 1 hendaklah, dalam masa empat puluh lapan bulan selepas dia mencapai umur lapan belas tahun, mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Jika seseorang warganegara yang disebut dalam subseksyen (1) tidak mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama apabila mencapai umur dua puluh dua tahun, dia hendaklah terhenti menjadi warganegara.

(3) Seseorang kanak-kanak yang dilahirkan di luar Persekutuan, daripada seorang warganegara menurut perenggan (c) seksyen 1 dan tidak bermastautin di Persekutuan, bukanlah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang dan orang itu boleh membuat permohonan bagi anaknya untuk menjadi warganegara melalui pendaftaran.”; dan

(b) dalam Bahagian III—

(i) dalam seksyen 9, dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”;

(ii) dalam seksyen 19—

(A) dengan menggantikan perkataan “bapa” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “ibu atau bapa”;

(B) dengan menggantikan perkataan “bapanya” dengan perkataan “ibu atau bapanya”;

(C) dengan menggantikan perkataan “kematian bapa itu” dengan perkataan “kematian ibu atau bapanya itu”; dan

- (D) dengan menggantikan perkataan “sekiranya dia mati selepas Hari Merdeka hendaklah disifatkan sebagai taraf atau perihalan yang terpakai baginya pada masa kematianya” dengan perkataan “sekiranya ibu atau bapanya mati selepas Hari Merdeka hendaklah disifatkan sebagai taraf atau perihalan yang terpakai bagi ibu atau bapanya pada masa kematian ibu atau bapanya; dan
- (iii) dalam seksyen 19B, dengan menggantikan perkataan “ibunya bermastautin secara tetap di tempat itu” dengan perkataan “ibunya ialah seorang warganegara”.

### Kecualian

**12.** (1) Taraf kewarganegaraan mana-mana orang yang lahir di dalam atau di luar Persekutuan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan mengikut Bahagian III Perlembagaan Persekutuan seolah-olah Perlembagaan Persekutuan tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan mengikut Bahagian III Perlembagaan Persekutuan seolah-olah Perlembagaan Persekutuan tidak dipinda oleh Akta ini.

---

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini memperuntukkan tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Fasal (1) Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan untuk mengenakan syarat tambahan untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu kepada mana-mana perempuan bersuami yang membuat permohonan kewarganegaraan melalui pendaftaran.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda Fasal (2) Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan dengan menurunkan had umur untuk memohon kewarganegaraan melalui pendaftaran daripada umur dua puluh satu tahun kepada lapan belas tahun supaya selaras dengan umur mengundi di Malaysia dan takrif kanak-kanak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*] dan umur dewasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Umur Dewasa 1971 [*Akta 21*]. Berbangkit daripada ini, pindaan dibuat kepada peruntukan lain dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, iaitu dalam *fasal 3, 6, 7, 9 dan 11* Rang Undang-Undang ini.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk memotong Fasal (3) Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan ini tidak lagi terpakai pada masa ini.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memotong Perkara 16A Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan ini tidak lagi terpakai pada masa ini.

5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan Fasal baharu (1A) ke dalam Perkara 18 Perlembagaan Persekutuan untuk menghendaki mana-mana orang yang di bawah umur lapan belas tahun yang memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran untuk mengangkat sumpah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama apabila mencapai umur lapan belas tahun. Jika orang itu tidak mengangkat sumpah dalam masa empat puluh lapan bulan selepas mencapai umur lapan belas tahun, orang itu terhenti menjadi warganegara.

6. *Fasal 7* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan dengan memperuntukkan hal keadaan tambahan bagi Kerajaan Persekutuan untuk menahan pendaftaran akuan pelepasan kewarganegaraan mana-mana orang jika pelepasan itu memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian dalam Persekutuan, ketenteraman awam atau kepentingan awam.

7. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Fasal (2) Perkara 26 Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan warga asing yang bersuami yang memperoleh kewarganegaraan menurut Fasal (1) Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan jika perkahwinan yang disebabkan olehnya perempuan itu didaftarkan telah dibubarkan dalam tempoh dua tahun mulai dari tarikh perempuan itu memperoleh kewarganegaraan, sebagai menggantikan tempoh dua tahun mulai dari tarikh perkahwinan itu.

8. *Fasal 10* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan sumpah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual itu supaya selaras dengan pindaan yang dibuat dalam *fasal 5* dan *11* Rang Undang-Undang ini.

9. *Fasal 11* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan dengan meminda perenggan (a) seksyen 1 untuk memperuntukkan bahawa hanya kanak-kanak yang lahir dalam Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya seorang warganegara pada masa kelahiran kanak-kanak itu layak mendapat kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, seseorang kanak-kanak yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu bermastautin secara tetap di Persekutuan tidak lagi layak untuk mendapat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan hak yang sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan yang ibunya pada masa kelahiran itu seorang warganegara untuk memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang. Sebelum pindaan ini, kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan hanya boleh memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang jika bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara.

Dengan pindaan kepada perenggan (b) seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan, kelahiran kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan hendaklah didaftarkan, dalam masa satu tahun selepas kelahiran itu berlaku atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan, di suatu konsulat Persekutuan atau dengan Kerajaan Persekutuan. Kehendak bagi pendaftaran adalah selaras dengan perenggan (c) seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk memotong sebutan mengenai Brunei di bawah perenggan (c) seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan supaya selaras dengan kehendak pendaftaran kelahiran kanak-kanak di luar Persekutuan di suatu konsulat Persekutuan.

Selanjutnya, *fasal* ini juga bertujuan untuk meminda Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan dengan memotong perenggan (d) seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan ini tidak lagi relevan pada masa ini.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3 ke dalam Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menghendaki mana-mana orang yang di bawah umur lapan belas tahun yang telah memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang menurut perenggan (b) atau (c) seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk mengangkat sumpah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama apabila mencapai umur lapan belas tahun. Jika orang itu tidak mengangkat sumpah dalam tempoh yang dinyatakan, orang itu terhenti menjadi warganegara.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah lahir di tempat itu dan ibunya ialah seorang warganegara.

10. *Fasal 12 Rang Undang-Undang* ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

11. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil dan berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3347]